

RELEVANKAH PENDEKATAN ISLAMISASI METODOLOGI PENYELIDIKAN ISLAM KONTEMPORARI?

(Is The Islamization Approach to Contemporary Islamic Research Methodology Relevant?)

*Marina Abu Bakar

*marinaabubakar@unishams.edu.my

Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Abstrak : *Islam menggalakkan umatnya untuk sentiasa berfikir, mencari kebenaran dan melakukan penyiasatan atau penyelidikan dalam kehidupan. Malah, matlamat asas penyelidikan Islam itu sendiri adalah untuk mencari kebenaran hakiki tentang sesuatu perkara dan mencadangkan solusi kepada permasalahan tersebut berdasarkan kepada hukum dan prinsip-prinsip Islam. Kebelakangan ini juga, timbul pelbagai isu di kalangan masyarakat yang memerlukan kepada penyelidikan yang saintifik terutamanya dalam bidang sains sosial. Walau bagaimanapun, dalam usaha menjalankan penyelidikan saintifik ini, kebanyakan penyelidik Islam kontemporari lebih cenderung menggunakan metodologi penyelidikan Barat yang dikatakan mempunyai paradigma, ciri dan kaedah-kaedah yang sebahagiannya bercanggah dengan pandangan alam Islam. Fenomena ini telah mendorong penghasilan pelbagai model penyelidikan Islam kontemporari oleh beberapa sarjana Islam dengan mengadaptasi konsep Islamisasi. Justeru, kajian ini cuba menganalisis relevansi pengaplikasian konsep Islamisasi melalui beberapa model yang diketengahkan oleh beberapa sarjana Islam yang terpilih dalam penyelidikan Islam kontemporari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, di mana data dikumpul melalui kajian kepustakaan dan melibatkan sumber sekunder serta dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa ke semua model tersebut mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri untuk diterapkan dalam bidang penyelidikan Islam. Selain itu, kajian ini juga menemui bahawa metodologi penyelidikan Barat yang digunakan dalam sains sosial dapat menyokong penyelidikan Islam kontemporari dalam usaha meningkatkan kualiti proses penyelidikan dan hasil dapatannya. Dari segi teori, kajian ini menambah literatur mengenai pengaplikasian konsep Islamisasi dalam metodologi penyelidikan Islam kontemporari. Manakala dari segi praktikal pula, kajian ini mendorong kepada kajian-kajian lanjutan berkaitan metodologi penyelidikan Islam kontemporari dan gagasan Islamisasi ilmu berkaitan bidang pengajian Islam oleh sarjana-sarjana Islam kontemporari.*

Kata kunci: *Islamisasi, Metodologi Penyelidikan Islam, Penyelidikan Islam Kontemporari.*

Abstract : *Islam encourages its people to always think, seek the truth and do investigation or research in life. In fact, the basic goal of Islamic research itself is to find the essential truth about a matter and suggest a solution to the problem based on Islamic law and principles. Recently, various issues have arisen among the community that require scientific research, especially in the field of social sciences. However, in order to conduct this scientific research, most contemporary Islamic researchers are more inclined to adopt Western research methodologies which are said to have paradigms, characteristics and methods that are partially at odds with the Islamic worldview. This phenomenon has prompted the production of various models of contemporary Islamic research by some Islamic scholars by adapting the concept of Islamization. Thus, this study attempts to analyze the relevance of the application of the concept of Islamization through several models presented by selected Islamic scholars in contemporary Islamic research. This study uses a qualitative approach, where data are collected through literature review from secondary sources and analyzed using content analysis methods. The results of the study found that all the models have their own strengths and weaknesses to be applied in the field of Islamic research. In addition, this study also found that Western research methodologies used in the social sciences can support contemporary Islamic research in an effort to improve the quality of the research process and its findings. Theoretically, this study adds to the literature on the application of the concept of Islamization in contemporary Islamic research methodologies. While in practical terms, this study leads to further studies related to contemporary Islamic research methodology and the idea of Islamization of knowledge related to the field of Islamic studies by contemporary Islamic researchers.*

Keywords: *Islamization, Islamic Research Methodology, Contemporary Islamic Research.*

2022 JGBSE

Article Received: 28 January 2022, Revised: 14 February 2022, Accepted 08 March 2022

PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Jika ditelusuri dari perspektif sejarah, penyelidikan sudah pun bermula sejak permulaan kewujudan manusia di muka bumi ini. Hal ini kerana, manusia merupakan makhluk Allah SWT yang telah diciptakan dengan sifat, rasa dan naluri ingin tahu tentang hakikat dirinya, alam sekeliling dan juga penciptanya. Dari segi bahasa, penyelidikan berasal daripada kata kerja selidik dan ditakrifkan sebagai perbuatan menyelidik, memeriksa atau menyiasat sesuatu (Kamus Dewan, 2007). Manakala di dalam bahasa Inggeris, penyelidikan disebut sebagai *research*, yang berasal daripada perkataan *re* yang bermaksud semula dan *search* yang bermaksud mencari (The Oxford English Dictionary, 1989). Di dalam bahasa Arab pula, penyelidikan dikenali sebagai *al-Bahathu* yang bererti salah satu alat atau wasilah penting untuk mencari kebenaran. Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa pada hakikatnya, penyelidikan bukanlah sesuatu yang sebetulnya baru, sebaliknya ia membabitkan beberapa proses seperti penjelasan, pentafsiran, penilaian semula atau

pengubahsuaian terhadap sesuatu penemuan atau teori yang sedia ada (Ahmad Sunawari Long, 2006 & 2011).

Evolusi penyelidikan secara saintifik dikatakan mula berkembang semasa zaman Greek yang pada waktu tersebut sangat popular dengan ilmu logik melalui sarjana-sarjana seperti Aristotole dan Socrates. Aristotole telah memperkenalkan konsep deduktif iaitu andaian umum membawa kepada kesimpulan khusus atau daripada sebuah teori kepada penjelasan masalah tertentu. Walau bagaimanapun, metode deduktif ini telah dikritik oleh Francis Bacon (1561-1626) yang kemudiannya telah memperkenalkan metode induktif. Metode induktif ini merupakan penelitian kes-kes tertentu secara khusus kepada pembentukan prinsip-prinsip umum atau daripada beberapa fakta membentuk satu teori. Melalui kaedah ini juga, penyelidik mencari dan menilai data-data yang berakhir dengan satu generalisasi yang menjelaskan hubungan antara data-data yang dikaji. Kemudiannya, John Dewey (1859-1952) telah menggabungkan kedua-dua metode deduktif dan induktif melalui lima proses utama iaitu pertama; pengenalpastian dan definisi masalah, kedua; membentuk hipotesis sebagai idea yang menyelesaikan masalah, ketiga; mengumpul, membina dan menganalisa data, keempat; membentuk kesimpulan dan kelima; mengubahsua, menolak atau menerima hipotesis dengan cara mengujinya. Dalam konteks Islam pula, metode deduktif dan induktif ini sebenarnya telah lama dipraktikkan oleh para sarjana Islam terdahulu. Metode deduktif dikenali sebagai *al-Istinbat*, manakala metode induktif pula dikenali sebagai *al-Istiqrā'* (Noor Hisham Md Nawi & Burhan Che Daud, 2018). Oleh itu, terdapat sarjana Islam seperti Ahmad Sunawari Long (2011) yang mengkategorikan bidang pengajian Islam sebagai sebahagian daripada kajian sains sosial.

Islam merupakan suatu cara hidup yang sempurna, yang mana pelbagai pedoman dan panduan telah disediakan dalam bidang penyelidikan agar manusia berupaya mencari kebenaran dengan cara yang betul dan menjadi hamba Allah SWT dan khalifah yang baik di muka bumi ini. Oleh yang demikian, penyelidikan yang bertujuan mencari kebenaran ini seharusnya tidak dipisahkan daripada agama Islam itu sendiri. Terdapat beberapa firman Allah SWT yang menggesa manusia agar mencari kebenaran berdasarkan pandangan alam Islam. Antaranya, firman Allah SWT, “(*Al-Quran ini*) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (*dan umatmu wahai Muhammad*), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.” (Saad 38:29) dan firman Allah SWT, “Dan Ia memudahkan untuk (*faedah dan kegunaan*) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (*sebagai rahmat pemberian*) daripadanya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (*yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya*) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.” (Al-Jaathiyah 45:13). Firman-firman Allah SWT ini secara jelas menggesa agar manusia menggunakan akal fikiran dan pemerhatian dengan meneliti wahyu yang diturunkan dalam mencari kebenaran termasuklah dalam penyelidikan. Selain itu, penyelidikan dalam Islam sememangnya mengandungi elemen moral yang bersandarkan agama. Disebabkan sifatnya ini, maka penyelidikan Islam mestilah

sentiasa dibimbing oleh prinsip wahyu yang datangnya daripada pencipta iaitu Allah SWT yang bersifat Maha Benar (Osman Bakar, 1991). Sementara itu, Islamisasi pula ialah suatu proses yang menjadikannya patuh kepada, sejajar dengan, atau sesuai dengan ajaran (ciri-ciri) agama Islam. Ia juga membawa pengertian pengislaman yang bertujuan untuk membendung penerapan budaya barat bagi memastikan proses Islam berjalan lancar (Kamus Dewan, 2007).

Kebelakangan ini juga, tuntutan ke arah penyelidikan dalam bidang Islam semakin mendesak lantaran wujudnya pelbagai isu dan permasalahan berkaitan orang Islam dan hukum-hukumnya. Maka, tidak hairanlah mengapa bidang penyelidikan Islam kontemporari semakin mendapat tempat di kalangan para sarjana dan penyelidik Islam. Dalam usaha mencari kebenaran dengan menjalankan penyelidikan ini, kebanyakan penyelidik Islam kontemporari lebih cenderung menggunakan metodologi penyelidikan Barat yang dilihat mempunyai paradigma, ciri dan kaedah-kaedah yang sebahagiannya bercanggah dengan pandangan alam Islam. Perkara ini telah mendorong penghasilan pelbagai model penyelidikan Islam kontemporari oleh beberapa sarjana Islam dengan mengadaptasi konsep Islamisasi. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis relevansi pengaplikasian konsep Islamisasi melalui beberapa model yang diketengahkan oleh beberapa sarjana Islam yang terpilih dalam penyelidikan Islam kontemporari seperti Louay Safi, Ibrahim Ragab dan Muhammad Syukri Salleh. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu para penyelidik dan sarjana Islam yang terlibat dalam penyelidikan Islam kontemporari agar menghasilkan penyelidikan yang sesuai mengikut pandangan alam Islam. Kaedah kualitatif telah digunakan untuk mengumpul data kajian ini. Data-data telah dikumpul melalui sumber sekunder dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Zaman kontemporari yang wujud pada hari ini jelas memperlihatkan bahawa pelbagai masalah berkaitan umat Islam semakin menular di kalangan masyarakat. Justeru, dalam menjawab pelbagai permasalahan ini, keperluan terhadap penyelidikan Islam yang bersifat kontemporari dilihat sangat relevan. Dalam mencari jawapan-jawapan yang tepat terhadap permasalahan ini juga, metodologi penyelidikan Islam kontemporari perlu sentiasa sesuai dengan peredaran zaman dan pada masa yang sama menepati epistemologi pandangan alam Islam. Dewasa ini juga, kebanyakan penyelidik Islam kontemporari lebih cenderung menggunakan metodologi penyelidikan Barat yang dilihat mempunyai paradigma, ciri dan kaedah-kaedah yang sebahagiannya bercanggah dengan pandangan alam Islam. Malah, terdapat juga dakwaan yang menyatakan bahawa kebanyakan ilmu sains '*aqli*' yang dipelajari oleh umat Islam telah diresapi oleh fahaman asing yang menyebabkannya tidak lagi berpandukan kepada prinsip wahyu dan Islam (Adi Setia, 2010). Justeru, kajian ini diharap dapat membantu dalam mewujudkan kesedaran terhadap penyelidikan berkaitan isu-isu Islam yang bersifat kontemporari serta menjadi salah satu kaedah untuk ditimbang tara oleh para sarjana dan penyelidik Islam dalam melakukan penyelidikan tanpa mengikut secara membuta tuli acuan metodologi penyelidikan sains sosial yang bertentangan dengan Islam. Gesaan

terhadap metodologi saintifik seperti yang melibatkan pemcarian dan pengesahan data dalam penyelidikan adalah selari dengan firman Allah SWT, “*Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan kebenarannya), supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*” (Al-Hujuraat 49:6). Melalui ayat ini, umat Islam dituntut agar melakukan penelitian dan pengesahan data apabila menerima berita atau maklumat daripada sumber yang dikhuatiri meragukan. Terdapat juga aspek metodologi lain yang disebut dalam Al-Qur’an seperti metode pemerhatian, di mana umat Islam digalakkan memerhati dan mengkaji sejarah umat-umat terdahulu dan mengambil iktibar dan pengajaran sesuai mengikut zaman kontemporari. Metode ini boleh dilihat melalui firman Allah SWT yang berbunyi, “*....Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya.*” (Al-Nahl 16:36).

Islamisasi merupakan pembebasan manusia dari berbagai tradisi lama yang mengikatnya seperti tradisi magis, mitologi dan sebagainya sehingga manusia bebas dan tidak bergantung kepada ilmu ghaib, mitologi, animisme, tahyul dan bebas dari fahaman sekular (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2018). Islamisasi telah pun wujud sejak zaman Rasullullah SAW ketika mana turunnya Al-Qur’an yang telah membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat Arab pada masa tersebut tentang alam semesta dan kehidupan dunia (Wazzainab Ismail & Farah Nur Rashida Rosnan, 2015). Proses Islamisasi juga turut mendapat perhatian di kalangan tokoh-tokoh sarjana Islam seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas, Fazlur Rahman Malik dan al-Faruqi (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2018; Al-Faruqi, Islamil Raji, 1989 & Fazlur Rahman Malik, 1995). Walau bagaimanapun, pendekatan Islamisasi ini perlu disandarkan kepada falsafah, prinsip dan etika penyelidikan Islam yang berpusatkan kepada pandangan alam Islam (Adam Badhrulhisham & Mohamad Firdaus Mohd Isa, 2017). Hal ini kerana matlamat utama penyelidikan Islam pada hakikatnya adalah ketaatan kepada Allah SWT dan menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah yang memakmurkan dunia ini melalui hasil penyelidikan, menyuburkan ilmu kemanusiaan demi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat dan akhirnya menggapai keredhaan Allah SWT (Ahmad Sunawari Long, 2011). Malah, bidang pengajian Islam tidak seharusnya diterhadkan kepada isu-isu agama yang bersifat ritual semata-mata kerana perkara ini jelas menyempitkan skop Islam yang bersifat syumul dan meliputi pelbagai aspek dalam kehidupan (Hassan Langgulung, 2001). Biyanto (2003) menyatakan bahawa penyelidikan dalam bidang pengajian Islam dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pertama, penyelidikan yang bersifat normatif dan priskriptif seperti ajaran, gagasan dan produk pemikiran Islam dan kedua, penyelidikan bersifat deskriptif seperti peristiwa dan tingkah laku manusia. Bagi penyelidikan jenis pertama, ia merupakan kajian *armchair* dan menggunakan reka bentuk kualitatif. Manakala, bagi penyelidikan jenis kedua pula, ia merupakan kajian yang bersifat *applied* atau *fieldwork research*. Kedua-dua pembahagian ini membuktikan kesyukuran bidang penyelidikan Islam yang bersifat kontemporari. Selain itu, beberapa model metodologi Islamisasi sesuai mengikut kehendak kontemporari turut diketengahkan. Pelbagai

pendekatan telah dicadangkan oleh para sarjana Islam. Antaranya adalah Louay Safi, Ibrahim Ragab dan Muhammad Syukri Salleh. Kewujudan pelbagai pendekatan dalam melahirkan metodologi yang sesuai dengan penyelidikan Islam kontemporari membuktikan bahawa metodologi penyelidikan Islam sememangnya berpaksi di atas prinsip-prinsip Islam yang tulen dan benar serta bersumberkan wahyu Illahi.

Sementara itu, pelbagai masalah akan timbul apabila pendekatan Islamisasi yang diaplikasikan tidak menepati pandangan alam Islam yang bersumberkan wahyu dan hadis-hadis yang sahih. Antara masalah yang timbul adalah ilmu metodologi penyelidikan yang digunapakai bakal terbentuk daripada rujukan pemikiran falsafah Barat yang dipengaruhi oleh sekularisme, materialisme dan humanisme sehingga konsep, tafsir, dan makna ilmu itu sendiri tidak dapat diasingkan daripada pengaruh sekularisme, materialisme dan humanisme dengan menghapuskan semua nilai-nilai Islam yang sedia ada (Salafudin, 2013). Keperluan kepada menganalisis model-model penyelidikan Islam kontemporari oleh beberapa sarjana Islam yang mengadaptasi konsep Islamisasi dilihat relevan agar metodologi ini tidak menyimpang daripada pandangan alam Islam yang sebenar. Oleh itu, adalah diharapkan agar kajian ini dapat membantu dengan menambah literatur mengenai pengaplikasian konsep Islamisasi dalam metodologi penyelidikan Islam kontemporari. Manakala dari segi praktikal pula, kajian ini dilihat dapat mendorong akan kajian-kajian lanjutan dilakukan terutamanya yang berkaitan dengan metodologi penyelidikan Islam kontemporari dan gagasan Islamisasi ilmu berkaitan bidang pengajian Islam oleh sarjana-sarjana Islam kontemporari.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Sejauhmanakah konsep Islamisasi relevan untuk diaplikasikan dalam penyelidikan Islam kontemporari?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis relevansi pengaplikasian konsep Islamisasi melalui beberapa model yang diketengahkan oleh beberapa sarjana Islam yang terpilih dalam penyelidikan Islam kontemporari.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Antara kepentingan penyelidik melakukan kajian ke atas relevansi pengaplikasian konsep Islamisasi dalam penyelidikan Islam kontemporari adalah untuk memperkembangkan lagi permasalahan-permasalahan berkaitan isu-isu umat Islam yang bersifat kontemporari. Melalui

metodologi yang bersifat multi dimensi, kontemporari dan bersifat masa depan (*futuristic*), maka pelbagai permasalahan berkaitan umat Islam akan dapat diselesaikan. Perkara ini turut menyumbang kepada penemuan-penemuan baru melalui tafsiran sejarah yang baru, situasi sosial kontemporari serta penemuan dan ciptaan yang terkini. Kajian ini turut menggalakkan pihak-pihak yang terlibat dalam penyelidikan Islam kontemporari untuk menambah baik cara menghasilkan karya penyelidikan Islam yang bernilai. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan oleh para penyelidik dalam bidang pengajian Islam khususnya kontemporari. Di samping itu, kajian ini juga bermanfaat kepada para sarjana dan penyelidik Islam bagi menilai pendekatan Islamisasi yang digunakan dalam melakukan penyelidikan Islam kontemporari, sama ada menepati konsep Islamisasi yang betul atau sebaliknya.

1.5 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis relevansi pengaplikasian konsep Islamisasi dalam penyelidikan Islam kontemporari. Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan adalah terbatas terhadap data-data yang diperolehi daripada sumber-sumber sekunder oleh penyelidik. Selain itu, kajian ini juga hanya mengulas dapatan melalui model-model penyelidikan Islam yang diaplikasikan oleh beberapa sarjana Islam yang terpilih. Dapatan keseluruhan kajian adalah bersifat terhad dan tidak dapat digeneralisasikan dalam konteks yang lebih luas. Pemilihan model-model penyelidikan Islam pula adalah terbatas kepada beberapa sarjana seperti Louay Safi, Ibrahim Ragab dan Muhammad Syukri Salleh tanpa melibatkan sarjana-sarjana Islam yang lain.

2.0 KONSEP PENYELIDIKAN ISLAM

Islam merupakan agama yang menggalakkan penyelidikan dan ia telah sebatiji menjadi budaya dan tradisi umat Islam pada abad ke-9 hingga ke-11 semasa zaman kegemilangan Baghdad dan abad ke-12 semasa zaman penguasaan Islam di Sepanyol. Walau bagaimanapun, selepas zaman kejatuhan Islam di Baghdad dan Sepanyol, umat Islam dilihat lebih gemar menjadi pengguna dan terasing dengan budaya penyelidikan (Ahmad Sunawari Long, 2011). Jika ditinjau dalam Al-Qur'an, terdapat pelbagai suruhan yang jelas daripada Allah SWT yang menyeru umat Islam untuk menjalankan penelitian dan penyelidikan demi mencari kebenaran dan rasionaliti serta menolak kepercayaan taklid semata-mata. Suruhan ini wujud dalam dua bentuk utama. Pertama, gesaan menyelidik fakta sejarah umat terdahulu dan semasa. Suruhan ini menyerupai kajian *naqliyah* yang mempunyai persamaan dengan kajian berbentuk pensejarahan dan etnografi dalam penyelidikan sains sosial. Kedua, mengkaji hakikat sesuatu perkara menggunakan akal dan eksperimen dan ia pula menyerupai kajian berbentuk deskriptif.

Konsep penyelidikan telah mendapat pelbagai tafsiran daripada para sarjana Barat dan Islam. Antara sarjana Barat tersebut adalah Mouly, Kerlinger dan Best. Mouly (1963) mengatakan penyelidikan adalah suatu proses untuk mendapat penyelesaian yang boleh dipercayai kepada

masalah melalui pungutan data, penganalisaan dan interpretasi yang terancang dan sistematik. Best (1991) pula mentakrifkan penyelidikan sebagai analisa dan pemerhatian yang terkawal secara sistematik dan objektif yang membawa kepada pembentukan generalisasi, prinsip atau teori, ramalan dan akhirnya kawalan kejadian. Manakala, Kerlinger (2000) pula berpandangan bahawa penyelidikan adalah kajian yang sistematik, terkawal, empirikal dan kritikal mengenai fenomena semula jadi berpandukan kepada teori dan hipotesis mengenai hubungan yang dijangkakan di antara fenomena. Sementara itu, sarjana Islam turut memberikan definisi penyelidikan dalam konteks Islam. Mohammad Anwar (1994) mentakrifkan kaedah penyelidikan Islam sebagai penyelidikan yang mencari jawapan kepada isu dan permasalahan yang berteraskan kepada tiga sumber utama iaitu Al-Qur'an, Sunnah dan Ijtihad. Fazlur Rahman Faridi (1994) pula mendefinisikan penyelidikan Islam sebagai kaedah penyelidikan saintifik yang berasaskan Al-Qur'an dan Sunnah serta mempunyai empat ciri-ciri penting. Pertama, memperoleh ilmu pengetahuan. Kedua, mencari kebenaran hakiki. Ketiga, mengenal Allah SWT. Keempat, memperkenalkan nilai-nilai kemanusiaan (akhlak). Kesemua definisi ini menjelaskan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan antara konsep penyelidikan sains sosial dengan konsep penyelidikan Islam. Oleh yang demikian, konsep penyelidikan Islam perlu dikembangkan sesuai mengikut keperluan umat Islam kontemporari sehingga dapat menyelesaikan pelbagai permasalahan-permasalahan yang bersifat multi dimensi, kontemporari dan bersifat masa hadapan (*futuristic*). Implikasinya, penyelidik Islam akan dapat menghasilkan output penyelidikan yang berteraskan Islam yang terkini, yang mana ia menjadi penemuan dan ciptaan yang relevan untuk diaplikasikan pada zaman kontemporari.

2.1 AKHLAK DAN ETIKA DALAM PENYELIDIKAN ISLAM

Islam telah menyediakan garis panduan dalam bentuk akhlak yang boleh dipraktikkan oleh para penyelidik Islam. Menurut Ahmad Sunawari Long (2011), sebagai penyelidik Islam, seseorang itu seharusnya menjalankan penyelidikan dengan niat kerana Allah SWT. Perkara ini akan mendorong agar aspek-aspek penyelidikan seperti objektif, metodologi pengumpulan dan penganalisan data yang dilaksanakan adalah tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan adat tempatan. Beliau menyarankan empat aspek yang diaplikasikan dalam memelihara etika penyelidikan Islam iaitu keihklasan responden, mengelak gangguan ke atas responden, anonimiti dan keahklakan responden dan mengelak penipuan (Ahmad Sunawari Long, 2011).

Akhlak dalam penyelidikan pula membabitkan tiga fasa masa iaitu sebelum, semasa dan selepas penyelidikan. Antara akhlak dan etika penyelidikan Islam yang wajar dipraktikkan oleh para penyelidik Islam adalah seperti tujuan dan matlamat penyelidikan adalah kerana Allah SWT, memastikan kesahihan sumber fakta dan maklumat yang diperoleh, telus, jujur dan tidak bias, memelihara maruah penyelidik dan keterlibatan penyelidikan, menjauhi plagiarism dan sistematik (Noor Hisham Md Nawi & Burhan Che Daud, 2018). Di samping itu, penyelidik juga perlu menjauhi sentimen, emosi, prejudis, retorik, fiksyen, falasi dan kepercayaan karut dalam

melaporkan hasil penyelidikan. Dalam konteks penyelidikan Islam, sehingga kini, tiada suatu kod etika khusus penyelidikan Islam yang dibangunkan secara standard. Walau bagaimanapun, beberapa kod-kod etika penyelidikan Barat boleh dicontohi selagimana ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Antaranya adalah Code of Conduct of the American Association of Public Opinion Research oleh Babbie (1998), Nuremberg Code oleh Borden & Abbott (2002) dan Prinsip Etika American Psychological Association (APA). Etika-etika tersebut boleh diamalkan mengikut tahap penyelidikan tertentu iaitu bermula dari tahap mengenalpasti masalah, menyelidik dan mengumpul data, menganalisis data, menulis laporan hingga kepada menyerah laporan penyelidikan.

2.2 METODOLOGI PENYELIDIKAN ISLAM


Setengah sarjana Islam seperti Ahmad Sunawari Long (2011) berpendirian bahawa metodologi penyelidikan Islam tidak banyak bezanya dengan metodologi penyelidikan Barat. Namun demikian, pembangunan metodologi secara saintifik tidak dilaksanakan sebaik mungkin. Perkara ini menyebabkan ramai umat Islam merujuk metodologi penyelidikan Barat yang seiring dengan arus perdana untuk melakukan penyelidikan. Terdapat tiga bentuk metodologi yang ditekankan dalam Al-Qur'an iaitu metode penerokaan, metode analisis dan metode saintifik. Melalui metode penerokaan, Al-Qur'an menggalakkan umatnya untuk meneroka tentang penciptaan diri manusia dan alam semesta. Melalui sumber intelek dan pancaindera ini, manusia akan dapat meneroka, menerima, memeriksa, membezakan dan membuat keputusan dan kesimpulan daripada penemuan yang benar. Metode analisis dilakukan melalui pembuktian, penghujahan dan perdebatan dengan menggunakan pelbagai teknik seperti induksi, perbandingan, pertimbangan, pengujian dan sebagainya. Perkara ini jelas terbukti melalui pengaplikasian *'ilm*, *sunan* dan *ayat* digunakan secara meluas dalam Al-Quran sendiri. Manakala, metode saintifik pula memainkan peranan yang penting dalam kajian berkaitan fenomena fizik dan metafizik. Adalah jelas bahawa sikap-sikap seperti prejudis, pendapat yang kurang tepat, magik dan kisah dongeng ditolak oleh Al-Qur'an. Kesemua amalan ini dianggap tidak saintifik dan bercanggah dengan konsep Islam yang berpaksikan kepada jalan yang lurus (Imanuddin Khalil, 1991). Malah, Islam juga menggalakkan umatnya bersikap skeptik tanpa mempercayai secara terus data-data yang diperolehi dan kritis dalam menganalisis berdasarkan teks-teks dan pendapat para ulamak dan tokoh Islam terdahulu (H. Syahrin Harahap, 2000).

Konsep Islam sendiri yang syumul telah membuka dimensi yang luas dalam bidang penyelidikan Islam. Penyelidikan dalam bidang Islam dapat dilaksanakan secara kuantitatif dan kualitatif. Hal ini terbukti apabila pelbagai aspek penyelidikan dapat dijadikan sebagai bidang tujahan penyelidikan. Antaranya seperti kajian dokumentasi ke atas manuskrip agama iaitu Al-Qur'an, hadis dan kitab-kitab agama, kajian terhadap sikap dan tindakan umat Islam, tokoh, ulamak, pemikir dan ahli falsafah Islam, kajian terhadap amalan-amalan keagamaan, kajian terhadap alat-alat berkaitan agama seperti masjid, surau, peralatan jenazah, kajian ke atas organisasi keagamaan

seperti persatuan ulamak, jemaah Islam dan organisasi politik orang Islam. Kajian-kajian sebegini perlu dikaitkan dengan persoalan dan isu semasa serta impak kepada sosial, pembangunan insan, masyarakat dan negara secara global. Kesemua ini akan menanbah lagi kekayaan khazanah ilmu pengetahuan dalam bidang penyelidikan Islam.

2.3 LOUAY SAFI

Model penyelidikan Islam ini merupakan salah satu alternatif metodologi penyelidikan yang diperkenalkan oleh Louay Safi (1998). Louay Safi (1998) telah menekankan kepentingan mengetengahkan semula wahyu sebagai sumber utama kajian dalam pembentukan teori sosial. Selain itu, beliau turut mengkritik idea pemisahan kebenaran dalam agama dengan ilmiah dan kegagalan para sarjana Islam dalam mengembangkan analisis berkaitan struktur sosial dan sejarah. Antara sarjana yang dikritik ialah Ibn Khaldun yang disifatkannya telah gagal dalam membincangkan landasan metodologi penciptaan teori-teorinya yang hebat terutamanya yang berkaitan dengan masyarakat dan sejarah. Oleh yang demikian, beliau telah mencadangkan agar diwujudkan sebuah metodologi penyelidikan yang mengandungi dua elemen utama iaitu prosedur-prosedur penetapan kaedah dan pengintegrasian kaedah yang diambil daripada wahyu dan sejarah.




Rajah 1: Prosedur Membuat Kesimpulan Dari Teks (Dari Sumber Wahyu)

Louay Safi (1998) mencadangkan empat prosedur yang perlu dipatuhi oleh penyelidik Islam dalam membuat kesimpulan dari teks sebagaimana dalam Rajah 1. Pertama, mengenal pasti pernyataan-pernyataan yang relevan daripada Al-Qur'an dan hadith yang berkait dengan persoalan kajian yang sedang dilakukan. Pernyataan ini memerlukan ilmu pengetahuan yang mendalam dalam bidang penggunaan semantik. Kedua, menafsir pernyataan tersebut. Perkara ini juga memerlukan ilmu pengetahuan mengenai maksud ayat-ayat Al-Qur'an dan hadith, kaedah-kaedah bahasa Arab dan penafsiran yang muktabar. Penafsiran juga perlu dinilai dalam konteks yang berbeza seperti tekstual, wacana dan kewujudan atau sebab penurunan ayat (*asbab al-Nuzul*). Ketiga, menghurai (*ta'lil*) teks dengan mengenal pasti 'illah (sebab) arahan sama ada suruhan atau larangan dalam teks tersebut. Mengetahui 'illah ini dapat membantu dalam mengenal pasti prinsip-prinsip umum


yang menyusun hukum-hakam dalam syariah. Keempat, Menyusun secara sistematik kaedah dan konsep yang ditetapkan untuk mencipta kesatuan dan peraturan dalam kaedah dan prinsip yang ditetapkan mengikut wahyu.

Louay Safi (1998) turut mencadangkan empat prosedur yang perlu dipatuhi oleh penyelidik Islam dalam membuat kesimpulan dari sumber sejarah. Beliau berpandangan bahawa peraturan dan konsep yang bersumberkan wahyu semata-mata tidak cukup untuk menjalankan tindakan. Terdapat dua sebab mengapa beliau berpandangan sedemikian. Pertama, kerana wahyu mengandungi peraturan umum dan global yang memerlukan penjelasan dan spesifikasi lanjut untuk kes-kes yang bersifat khusus. Kedua, untuk menerapkan kaedah-kaedah umum, pengetahuan mengenai keadaan-keadaan yang wujud adalah sangat diperlukan. Oleh yang demikian, beliau berhujah bahawa kajian dan analisis yang mendalam terutamanya mengenai tindakan dan interaksi manusia dalam kajian sosial perlu dilaksanakan sebelum kaedah wahyu diterapkan. Beliau turut menolak penerimaan bulat-bulat oleh umat Islam tanpa sebarang keraguan terhadap metodologi yang dikembangkan oleh Barat. Hal ini kerana, metodologi penyelidikan Barat adalah berdasarkan metafizik Barat yang tidak selari dengan hakikat wahyu. Model yang dibangunkan berdasarkan metodologi ini sudah tentu berpandukan pengalaman Barat yang kadangkala tidak sesuai dengan keadaan umat Islam. Dalam membuat kesimpulan dari teks yang diambil daripada sumber sejarah, Louay Safi (1998) menyarankan agar empat prosedur dijalankan sepertimana dalam Rajah 2. Pertama, menganalisis tindakan-tindakan individu yang mengandungi gejala sosial yang dikaji bagi mengenal pasti tujuan, motif dan kaedah. Kedua, mengklasifikasikan tindakan-tindakan tersebut mengikut kategori persamaan sebagai satu kelompok homogen dan kategori perbezaan sebagai kelompok heterogen. Ketiga, mengenal pasti kaedah-kaedah umum yang mengatur hubungan antara kumpulan. Prosedur ini dapat membantu dalam memahami hukum umum interaksi, pola kerjasama dan konflik, penguasaan dan penyerahan, pertumbuhan dan kejatuhan yang boleh dikaji dengan lebih teliti. Keempat, menyusun secara sistematik kaedah-kaedah umum yang diperolehi hasil daripada prosedur ketiga.



Rajah 2: Prosedur Membuat Kesimpulan Dari Teks (Dari Sumber Sejarah)

Di samping itu, untuk membuat kesimpulan dari teks berdasarkan sumber wahyu dan sejarah, Louay Safi (1998) juga mencadangkan pola umum yang mewakili lima prosedur utama seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Prosedur ini merupakan gabungan daripada kesimpulan-kesimpulan berdasarkan teks yang diambil daripada wahyu dan sumber sejarah. Lima prosedur tersebut melibatkan proses menganalisis teks atau sejarah sehingga sampai kepada komponen-komponen dasar, mengelompokkan pelbagai pernyataan dan tindakan yang serupa di bawah satu kategori, mengenal pasti kaedah-kaedah atau peraturan yang menyepadukan pelbagai kategori, mengenal pasti peraturan atau kaedah atau tujuan umum yang mengatur hubungan antara satu sama lain dari pelbagai kategori dan menyusun secara sistematik peraturan atau kaedah yang diperolehi melalui prosedur yang terdahulu. Kelebihan prosedur ini ialah penyelidik dapat menguji sejauh mana kedua-dua sumber yang diambil adalah selaras atau sebaliknya.



Rajah 3: Prosedur Pendekatan Metodologi Bersepadu

Sementara itu, Louay Safi (1998) berpendapat bahawa suatu rangka kerja teori mengenai gejala-gejala sosial boleh dibentuk hasil daripada pernyataan-pernyataan umum yang diambil daripada wahyu dan sumber sejarah. Rangka kerja teori ini pula boleh diperkembangkan dan ditambahbaik pada masa akan datang. Menurutnya juga, proses pembentukan teori ini melibatkan dua tahap utama sebagaimana dalam Rajah 4. Rajah 4 mewakili dua tahap pembentukan teori iaitu pertama, beberapa prinsip umum yang digabungkan dalam sebuah teori yang dirancang untuk menjelaskan dan memandu tindakan dari satu interaksi manusia yang khusus dan kedua, teori ini diuji berdasarkan hipotesis-hipotesis yang berbeza yang diperolehi daripada teori tersebut dengan memfokuskan tindakan dan peristiwa. Sekiranya ia dapat memberikan penjelasan yang tepat, ia seharusnya dianggap benar, manakala sekiranya sebaliknya, ia membuktikan bahawa teori tersebut perlu ditambahbaik dan diperbaiki.



Rajah 4: Model Pendekatan Bersepadu Untuk Analisis Tekstual dan Kontekstual

2.4 IBRAHIM RAGAB

Ibrahim Ragab (2006) merupakan antara sarjana yang lantang dalam menyuarakan pendapatnya tentang kelebihan dan kelemahan menjadikan ilmu wahyu atau ilmu sains kemanusiaan sebagai asas permulaan penyelidikan. Untuk mengatasi ketidakseimbangan ini, beliau telah mencadangkan agar metodologi yang menekankan proses Islamisasi dilakukan dalam bidang sains kemanusiaan. Metodologi yang disyorkan ini terdiri daripada dua fasa utama iaitu pembinaan teori bersepadu dan kesahan melalui penyelidikan dan aplikasi. Rajah 5 merupakan ringkasan keseluruhan metodologi penyelidikan Islam yang dicadangkan melalui proses Islamisasi dengan melibatkan dua fasa utama. Melalui fasa pertama, terdapat tiga langkah yang perlu dilakukan oleh penyelidik iaitu mengkaji secara kritikal literatur sains kemanusiaan yang relevan, mengkaji secara kritikal literatur warisan Islam yang berkaitan dan membina kerangka kesatuan teori bersepadu. Sementara itu, fasa kedua pula melibatkan proses penyelidik mengesahkan dapatan melalui penyelidikan dan aplikasi. Ia turut melibatkan langkah-langkah seperti menguji hipotesis dan kerangka teori bersepadu yang dibangunkan oleh penyelidik.

Menurut Ibrahim Ragab (2006), metodologi Islamisasi ilmu sains kemanusiaan boleh disimpulkan sebagai proses hubungan dialektik antara teori dan penyelidikan, yang mana fasa ini perlu diaplikasikan melalui 3 langkah utama. Langkah pertama ialah mengkaji secara kritikal literatur ilmu sains kemanusiaan yang relevan. Antara proses yang perlu dilakukan oleh penyelidik ialah mengkaji literatur ilmu sains kemanusiaan secara sistematik, mengkritik bidang ilmu terbabit secara menyeluruh berdasarkan pandangan alam Islam (ontologi dan epistemologi terutamanya

yang berkaitan dengan konsep Tuhan, manusia dan masyarakat) dan menapis bahan dengan memastikan bahawa dapatan kajian tidak menimbulkan kontroversi, alat dan model bersifat neutral dan boleh diguna, dibangunkan dan diubahsuai mengikut paradigma Islam dan berwaspada dengan teori dan kerangka teori Barat sebelum memasukkannya ke dalam kerangka penyelidikan Islam. Langkah kedua melibatkan proses mengkaji secara kritikal warisan Islam yang berkaitan. Beberapa tindakan yang perlu diperhatikan oleh penyelidik Islam termasuklah berinteraksi dengan sumber Al-Qur'an, hadith, hasil-hasil tokoh cendekiawan Muslim klasik dan kontemporari dan membina kerangka konsep. Langkah ketiga pula membabitkan tempoh yang kritikal kerana memerlukan kreativiti yang tinggi kerana melibatkan aktiviti-aktiviti seperti pengkatalogan dan penyusunan, pengaturan dan interpretasi semula dan pernyataan dapatan sebelum membina kerangka teori yang bersepadu.



Rajah 5: Metodologi Penyelidikan Islamisasi

Manakala, fasa kedua pula merupakan fasa kesahan melalui penyelidikan dan aplikasi seperti yang digambarkan dalam Rajah 5. Proses membina kerangka teori bersepadu membuktikan usaha penyelidik dalam mengintegrasikan ilmu wahyu dan akal dalam bidang ilmu yang dikaji. Namun demikian, perlu diingat bahawa kerangka ini bukanlah bersifat mutlak dan terbuka kepada ruang-ruang kritikan jika terdapat sebarang kesalahan atau ketidaktepatan. Oleh yang demikian, kerangka ini perlu disahkan kebenarannya melalui proses saintifik penyelidikan Islam. Antara langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh penyelidik termasuklah menguji hipotesis dan kesahan. Jika hipotesis diterima maka ia berkemungkinan menjadi fakta yang salah, tetapi jika sebaliknya, maka ia perlu dikaji, disemak dan diperbaiki semula. Penyelidik perlu memastikan bahawa tiada pertentangan antara wahyu dan akal yang berlaku dalam teori tersebut dan merupakan antara teori penyelidikan yang dapat memberikan sumbangan dalam bidang ilmu yang dikaji.

Ibrahim Ragab (1998) turut mencadangkan agar beberapa prinsip penting dipatuhi dalam cadangan metodologi Islamisasi yang dibangunkan iaitu dengan mengasingkan sumber-sumber yang menjadi rujukan antara kerangka teoretikal dan hipotesis. Menurutnya, perkara seperti kerangka teorertikal tentang kejadian manusia, kedudukan manusia, penyusunan masyarakat, masalah sosial dan lain-lain hendaklah berdasarkan kepada sumber-sumber Al-Qur'an, hadith-hadith yang sahih dan penghuraian ulamak. Manakala, hipotesis pula hendaklah dibuat berdasarkan kerangka teoretikal unuk menguji secara total iaitu realiti yang merangkumi elemen empirikal dab bukan empirikal. Hasilnya, hipotesis yang dijana adalah lebih tepat kerana mengandungi elemen fizikal dan metafizikal. Ibrahim Ragab (1995) juga menggalakkan para ilmuwan dan sarjana Islam mengkaji secara berterusan aspek-aspek yang boleh diambil kira dan dipertimbangkan dalam merealisasikan proses Islamisasi ilmu terutamanya dalam bidang penyelidikan.

2.5 MUHAMMAD SYUKRI SALLEH

Muhammad Syukri Salleh (2011) pula merupakan antara sarjana yang berpendirian bahawa kaedah penyelidikan sains sosial Barat adalah tidak sesuai digunakan untuk mengkaji perkara-perkara berkenaan agama dan orang Islam. Beliau berpendapat bahawa terdapat beberapa kekurangan dalam epistemologi dan tasawwur kaedah penyelidikan sains sosial lazim kerana ia dilihat berbeza dengan kaedah penyelidikan Islam, alat yang tidak mencukupi dan kaedahnya yang bertentangan dengan akidah Islam. Bagi menampung kekurangan ini, beliau telah mencadangkan agar tiga perkara utama ditetapkan dalam usaha menentukan hala tuju kaedah penyelidikan berteraskan Islam iaitu pembinaan kaedah penyelidikan berdasarkan kajian secara berterusan dan serius, tidak berhenti daripada menghasilkan karya dan keperluan pengujian terhadap kaedah yang dibangunkan tersebut (Muhammad Syukri Salleh, 2008). Oleh yang demikian, beliau menyatakan bahawa penyelidikan berteraskan Islam ialah suatu kaedah yang menggabungkan ilmu *daruri* dan dalil *'aqli* dengan ilmu *nazari* dan dalil *naqli* dengan menjadikan epistemologi dan tasawwur Islam sebagai asas utama dalam rangka melakukan penyelidikan terhadap agama dan orang Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2008). Ilmu *daruri* ialah ilmu yang senang dan mudah difahami tanpa memerlukan banyak hujah atau bahasan sebagai contoh 1 adalah separuh daripada 2. Manakala, ilmu *nazari* pula ialah ilmu yang memerlukan kepada pemikiran dan bahasan yang mendalam serta dalil-dalil untuk memahami dan membuktikan tentang sesuatu perkara atau sesuatu keadaan sebagai contoh wajib wujudnya Allah SWT.

Idea beliau ini telah mendapat tempat dalam kajian-kajian lanjutan berkaitan penyelidikan Islam seperti kajian Shahir Akram Hassan (2013), Mohd Syahmi Mohd Miswan (2013), Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) dan Mohd Syahmir Alias (2015). Shahir Akram Hassan (2013) telah melaksanakan kajian berkaitan pengumpulan data, di mana beliau telah membangunkan lapan kaedah pengumpulan data untuk penyelidikan berteraskan Islam dalam bidang sains sosial. Terdapat tiga tahap pengumpulan data yang terlibat dalam lapan kaedah ini iaitu tahap sebelum, semasa dan selepas pengumpulan data. Berikut merupakan kaedah-kaedah

pengumpulan data daripada kaedah pengumpulan hadith yang dibangunkan oleh Shahir Akram Hassan (2013):

Jadual 1.1 Kaedah Pengumpulan Data daripada Kaedah Pengumpulan Hadith

Sebelum Pengumpulan Data	Semasa Pengumpulan Data	Selepas Pengumpulan Data
Akhlak Penyelidik		
Instrumen pengumpulan data (temu bual, soal selidik, pemerhatian tidak turut serta, dan persetujuan secara tidak langsung, bertujuan).	Mengumpulkan sanad	Praanalisis
Keutamaan data primer ke atas data sekunder.	Penggunaan bahasa yang tepat	Bentuk output (dabit sadri & kitabi)
-	Kualiti responden – sanad bersambung (mempunyai sandaran, bertemu muka, mempunyai saksi), bersifat adil (Islam, mukallaf, berakal, melaksanakan asas agama, memelihara maruah) dan bersifat dabit (hafalan yang baik, mampu menyampaikan dengan baik, terhindar dari kejanggalaan dan kecacatan).	-

Sementara itu, kajian Mohd Syahmi Mohd Miswan (2013) pula dilihat lebih memfokuskan kepada konsep *dilalat* dalam disiplin ilmu *usul al-Fiqh* yang sesuai diaplikasikan dalam konteks penyelidikan Islam dan penganalisisan data. *Dilalat* ialah petunjuk yang menunjukkan kepada yang dimaksudkan atau memahami sesuatu atas sesuatu. Beliau mendapati bahawa terdapat dua elemen *dilalat* yang dinilai sesuai sebagai kaedah menganalisis data yang melibatkan penyelidikan Islam iaitu *mafhum muafaqat* dan *mafhum mukhalafat*. *Mafhum muafaqat* merupakan makna daripada pernyataan yang boleh difahami secara tersurat dan tersirat. *Mafhum mukhalafat* pula ialah makna yang difahami dalam lafaz tersirat yang sama dengan makna yang difahami dalam lafaz tersurat. Justeru, Mohd Syahmi Mohd Miswan (2013) menyatakan bahawa kedua-dua elemen ini boleh digunakan dalam bidang yang lain selain daripada bidang yang berkaitan ilmu wahyu. Terdapat empat langkah yang boleh diaplikasikan oleh penyelidik dalam menganalisis teks iaitu mengenal pasti pernyataan-pernyataan yang relevan, penafsiran pernyataan, penjelasan (*ta'li*) pernyataan dan penetapan kaedah dan konsep umum. Langkah-langkah ini seharusnya dilaksanakan berulang kali sehingga dapatan berkaitan hukum dan prinsip umum syarak tidak boleh disangkal lagi.

Kajian Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) adalah lebih tertumpu kepada bidang fatwa dalam penyelidikan Islam. Beliau telah mencadangkan beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh para penyelidik Islam dalam melakukan kajian penfatwaan. Menurutnya juga, penyelidik yang tidak menepati kriteria yang sepatutnya dalam proses penfatwaan adalah dianggap tidak layak untuk melaksanakan penyelidikan. Manakala, jika layak pula, penyelidik hendaklah menentukan permasalahan kajian dan menilainya sesuai mengikut perspektif Islam. Dalam menilai permasalahan ini, penyelidik perlu memastikan bahawa masalah yang dikaji tersebut adalah tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Jika permasalahan tersebut bercanggah, maka penyelidikan tersebut dianggap tidak boleh dijalankan. Selain itu, terdapat juga proses *al-Taswir* yang boleh diadaptasi oleh para penyelidik, di mana penyelidik melaksanakan kajian tinjauan atau lapangan bagi menngumpul pelbagai data yang berkaitan dengan permasalahan kajian secara langsung. Menurut Muhammad ‘Abd al-Latif al-Bana (2010), proses *al-Taswir* ini mempunyai lapan ciri-ciri yang perlu diambil kira oleh penyelidik iaitu *dabit al-Ma’lumati* (kriteria maklumat), *su’al ahl al-Takhsis* (temu bual pakar), *al-Dabit al-Tahlili* (kriteria analisis), *al-Dabit al-Makan wa al-Zaman* (kriteria tempat dan masa), *al-‘Ittila’ ala ‘Awamil Taghyir al-Ahkam* (meneliti faktor-faktor yang mengubah sesuatu hukum), *dhabit al-Darurat* (kriteria keperluan), *dabit al-Tarawwi* (kriteria pertimbangan) dan *isti’anah bi mu’tayat al-‘Asr* (bantuan maklumat atau teknologi semasa).

Proses seterusnya adalah *al-Takyif* iaitu dengan meneliti skop dan perbincangan hasil kajian daripada penyelidikan terdahulu dalam fokus perbincangan yang sama. Proses *al-Hukm* pula melibatkan penelitian dua perkara iaitu menentukan sumber dalil syarak berdasarkan turutan Al-Qur’an, Sunnah, Ijmak dan Qiyas dan menganalisis menggunakan alat analisis yang digunakan melalui metodologi *usul al-Fiqh* iaitu kaedah *istinbati*, *istiqra’i*, *istirdadi* dan *jadali*. *Istinbati* ialah membuat kesimpulan khusus daripada dalil-dalil umum yang terkandung dalam sumber *naqli*. *Istiqra’i* ialah membuat kesimpulan umum daripada dalil-dalil khusus yang terkandung dalam sumber *naqli*. *Istirdadi* ialah meneliti latar belakang sesuatu dalil yang diperolehi dari sudut sebab munculnya *nas* syarak dengan memberi fokus kepada sebab penurunan ayat (*asbab al-Nuzul*), sebab periwayatan hadith (*asbab al-Wurud*) dan kualiti periwayatan *nas* syarak tersebut. *Jadali* pula ialah membuat kesimpulan hukum menggunakan akal berasaskan prinsip-prinsip logik terhadap pertanyaan dan pernyataan yang bersifat thesis dan antithesis. Proses yang terakhir ialah proses *al-Ifta’* (penfatwaan) di mana beberapa elemen akan turut dinilai sama ada bertepatan dengan *maqasid al-Shariah* (objektif syarak), *urf* (adat) dan *maslahah* (kepentingan) kepada masyarakat Islam (Muhammad ‘Abd al-‘Aziz Mahmud, 2009). Terdapat empat ciri-ciri yang dapat digarap dalam penyelidikan Islam hasil daripada analisis proses penfatwaan dari perspektif kaedah penyelidikan sains sosial iaitu kelayakan dan kualiti penyelidik Muslim, penyelidikan berkumpulan, proses penyelidikan, serta keutamaan dan kualiti data (Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, 2014).

Mohd Syahmir Alias (2015) pula telah mencadangkan beberapa kriteria penting dalam mengaplikasikan konsep saintifik dalam pengajian Islam. Beliau berpandangan bahawa penyelidikan saintifik menurut perspektif Islam seharusnya bersifat objektif (berasaskan pembuktian, penghujahan dan pengadilan terhadap kebenaran objek kajian), tidak berasaskan taklid dan dapat dibuktikan dengan ilmu matematik. Selain itu, fungsi penyelidikan saintifik juga seharusnya dapat mengukuhkan prinsip tauhid, melaksanakan syariat Islam dan menyempurnakan akhlak kerana matlamatnya adalah merealisasikan undang-undang akhlak, melahirkan ubudiyah dan mencapai mardhatillah. Tujuh cadangan pengaplikasian konsep saintifik dalam penyelidikan Islam oleh Mohd Syahmir Alias (2015) adalah seperti berikut:

1. Mengambil kira pemahaman menerusi sumber wahyu dalam kajian saintifik terhadap umat Islam selain aspek empirikal dan rasional.
2. Memastikan kajian saintifik mengambil kira aspek kejiwaan subjek kajian yang merupakan satu fitrah yang wujud dalam diri manusia.
3. Memastikan agar reka bentuk kajian saintifik adalah berlandaskan kefahaman terhadap ilmu fardhu ain agar hubungan dengan Allah SWT sentiasa wujud, di samping hubungan antara sesama manusia dan alam sentiasa terpelihara.
4. Meneliti secara kritikal kajian-kajian saintifik terdahulu kerana kajian ini terdedah dengan kesilapan baik dari segi kaedah mahupun kesimpulan.
5. Melakukan pendefinisian semula konsep objektiviti dalam kajian saintifik, iaitu penyelidik tidak perlu menggunakan pendekatan bebas nilai sehingga perlu menggadaikan pegangan agama, peribadi dan budaya.
6. Memahami fungsi statistik untuk kajian sosial dengan sebaik mungkin dalam mengkuantitatifkan kajian sosial dan dapatan kajian tidak bersifat kebenaran mutlak.
7. Menerapkan dalam tasawue seseorang penyelidik bahawa setiap fenomena sama ada fenomena sosial kemanusiaan atau fenomena alam tabii, kedua-duanya berlaku dalam ruang lingkup sunnatullah.

3.0 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah strategi-strategi inkuiri penyelidikan yang membantu penyelidik dalam mencari jawapan kepada persoalan kajian agar penyelidik dapat mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan (David & Sutton, 2004; Denzin & Lincoln, 2011). Terdapat empat faktor yang mempengaruhi pemilihan reka bentuk kajian iaitu tujuan kajian, permasalahan kajian, pengalaman penyelidik dan kumpulan sasaran (Neuman, 2015; Creswell & Creswell 2018). Dalam konteks kajian ini, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah kepustakaan dan melibatkan data-data daripada sumber sekunder. Reka bentuk kualitatif dipilih kerana kajian ini bertujuan mengkaji relevansi pengaplikasian konsep Islamisasi melalui beberapa model yang diketengahkan oleh beberapa sarjana Islam yang terpilih dalam penyelidikan Islam kontemporari

iaitu Louay Safi, Ibrahim Ragab dan Muhammad Syukri Salleh. Setelah pelbagai data diperolehi daripada kajian kepustakaan yang telah dijalankan, kesemua data ini dianalisis dengan lebih mendalam bagi mengeneralisasikannya. Seterusnya, data-data yang telah dianalisis ini, dimasukkan ke dalam kajian penyelidikan, sebagai dapatan kajian.

3.1 PENGUMPULAN DATA

Penyelidik telah mengumpul data-data sekunder dalam kajian ini. Data sekunder adalah data sedia ada yang telah dikumpulkan melalui sumber primer dan diproses oleh para penyelidik yang lepas (Daivd & Sutton, 2004). Dalam kajian ini, penyelidik mengumpul data melalui sumber-sumber rujukan Islam yang muktabar. Data-data sekunder kajian ini turut melibatkan kajian kepustakaan yang dapat dikategorikan kepada dua jenis maklumat yang utama. Pertama, data-data yang diperolehi daripada bahan-bahan yang diterbitkan. Kedua, data-data yang diperolehi daripada capaian internet melalui pangkalan data. Bagi jenis yang pertama, data-data yang terlibat adalah melalui buku, tesis, disertasi, laporan penyelidikan, kertas kerja, prosiding dan artikel melalui bengkel, seminar, persidangan dan lain-lain.

3.2 PENGANALISISAN DATA

Penganalisan data sekunder dalam kajian ini melibatkan data-data yang berbentuk tulisan atau dokumentasi dan diperolehi melalui kajian perpustakaan dan pangkalan data. Data-data sekunder ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Proses ini melibatkan penyelidik meneliti bahan-bahan berkaitan isu kajian iaitu relevansi pengaplikasian konsep Islamisasi melalui beberapa model yang diketengahkan oleh beberapa sarjana Islam yang terpilih dalam penyelidikan Islam kontemporari seperti Louay Safi, Ibrahim Ragab dan Muhammad Syukri Salleh. Kesemua proses ini dijalankan secara sistematik dan berulang kali dengan memfokuskan beberapa aspek seperti konsep, tema, item dan lain-lain yang berkaitan dengan fenomena kajian (Berelsen, 1952).

4.0 PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Penyelidikan Islam merupakan suatu kaedah untuk mencari kebenaran dengan mengiktiraf sumber-sumber ilmu tradisi Islam secara berhieraki dan menyepadukan sumber *naqli* dan *aqli* dengan berpandukan kepada wahyu sebagai pedoman (Noor Hisham Md Nawi & Burhan Che Daud, 2018). Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa dewasa ini umat Islam berhadapan dengan krisis pendidikan yang kritikal kerana sistem yang sedia ada tidak terlepas daripada pengaruh sekularisme dan dualisme (Rosnani Hashim, 2005). Antara punca keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh kecenderungan umat Islam sendiri yang menggunakan metodologi penyelidikan Barat yang bercanggah dengan Islam, selain tidak mengiktiraf wahyu sebagai salah

satu daripada sumber-sumber ilmu yang sah. Perkara ini secara jelasnya telah menimbulkan cabaran di kalangan para penyelidik Islam untuk mengadaptasi metodologi penyelidikan sains sosial Barat dan metodologi para ilmuwan Islam klasik.

Pelbagai pendekatan Islamisasi dalam metodologi penyelidikan Islam telah diketengahkan oleh para sarjana Islam, antaranya termasuklah Louay Safi, Ibrahim Ragab dan Muhammad Syukri Salleh. Kesemua model-model yang diketengahkan ini sedikit sebanyak telah berjaya menambahbaik metodologi penyelidikan Barat yang selama ini digunakan oleh para penyelidik Islam. Penyelidikan Islam seharusnya menerima konsep saintifik yang telah diperbaharui maknanya seperti yang dicadangkan oleh Mohd Syahmir Alias (2015) iaitu bersifat objektif dengan bersandarkan pembuktian, penghujahan dan pengadilan terhadap kebenaran objek kajian, bukan berasaskan taklid dan meletakkan semua perkara pada tempatnya yang paling wajar. Selain itu, aspek kriteria penyelidik Islam juga sangat penting untuk dititikberatkan. Menurut Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014), penyelidik yang tidak memenuhi kriteria-kriteria seperti mempunyai kepercayaan yang teguh kepada agama, mukallaf, adil dan berakhlak dengan nilai-nilai Islam dan berkemampuan menjalankan penyelidikan dianggap tidak layak untuk melakukan penyelidikan. Penyelidik bersetuju dengan saranan ini memandangkan matlamat penyelidikan Islam pada asalnya adalah untuk mencari kebenaran, berpegang teguh kepadanya dan kemudian menyebarkannya, maka sangat wajar korpus ilmu ini berpaksikan kepada prinsip Tauhid.

Dalam menjalankan penyelidikan Islam kontemporari, para penyelidik dikehendaki mengenal pasti permasalahan kajian dan skop penyelidikan yang dijalankan. Penyelidikan Islam seharusnya berpaksikan kepada permasalahan kajian yang dilihat dari kaca mata atau perspektif Islam dan seterusnya mencari solusi yang sesuai dengan orang Islam dan masyarakat secara umumnya. Dalam hal ini, penyelidik bersetuju dengan pendekatan yang dibawa oleh Muhammad Syukri Salleh (Muhammad Syukri Salleh, 2008 & 2011). Penyelidik juga digalakkan untuk melakukan proses *al-Taswir* sepertimana yang disarankan oleh Muhammad 'Abd al-Latif al-Bana (2010), melalui kajian Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014). Proses *al-Taswir* merupakan proses mendapatkan gambaran umum tentang sesuatu permasalahan atau persoalan melalui pengumpulan data mengenai isu dan permasalahan kajian melalui kaedah tinjauan dan lapangan. Kelapan-lapan ciri dalam proses ini dilihat mampu menjadikan penyelidikan Islam kontemporari lebih mantap dan tepat. Ia bukan sahaja sesuai diaplikasikan dalam bidang penfatwaan, tetapi turut boleh diaplikasikan dalam bidang-bidang pengajian Islam kontemporari yang lain. Penyelidik turut bersetuju dengan cadangan Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) bahawa mana-mana permasalahan kajian yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam sewajarnya dihentikan dan tidak diteruskan.

Penyelidikan Islam kontemporari juga memerlukan tujuan, objektif dan persoalan kajian yang sesuai dengan permasalahan kajian yang dikaji. Kesemua ini seharusnya dinilai dari sudut pandangan alam Islam. Louay Safi, Ibrahim Ragab dan Muhammad Syukri Salleh turut

memperakui kepentingan menilai ketiga-tiga elemen ini dalam penyelidikan Islam kontemporari. Dari segi penggunaan kerangka teoretikal dan konseptual dalam penyelidikan Islam, penyelidik bersetuju dengan metodologi yang diketengahkan oleh Ibrahim Ragab (2006). Kerangka teoretikal merupakan rangka kajian yang menggambarkan keseluruhan kajian, sementara kerangka konseptual pula menggambarkan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah kajian. Metodologi Islamisasi yang diketengahkan oleh Ibrahim Ragab dilihat sangat relevan terutamanya untuk diaplikasikan dalam bidang pengajian Islam kontemporari. Ini kerana, kebanyakan penyelidikan Islam kontemporari jarang menggunakan aplikasi teori dan hipotesis. Oleh yang demikian, kebanyakan penyelidikan berkaitan sains sosial dan kemanusiaan kadangkala menggunakan teori dan konsep-konsep yang diketengahkan oleh Barat. Dalam situasi ini, penyelidik berpendapat bahawa adalah wajar menguji hipotesis dan melakukan kesahan terhadap teori yang digunakan sebelum ia disahkan sebagai dapatan kajian.

Di samping itu, dalam proses melakukan tinjauan literatur atau ulasan kepustakaan, para penyelidik Islam perlu meneliti kajian-kajian terdahulu berkaitan bidang kajian yang dikaji. Disarankan agar para penyelidik melakukan tinjauan literatur dengan mengikuti tiga perspektif iaitu dari perspektif wahyu, konvensional dan akhirnya mensintesis tinjauan literatur warisan Islam dan konvensional. Pendekatan yang dibawa oleh Louay Safi (1998) adalah relevan dan komprehensif untuk dipraktikkan oleh para penyelidik Islam. Melalui pendekatan ini, para penyelidik dapat menilai sejauh mana keselarasan yang berlaku di antara sumber-sumber tinjauan literatur yang berasal dari wahyu dan sejarah iaitu warisan Islam dan membandingkannya dari perspektif konvensional. Manakala, dalam proses pengumpulan data, ketiga-tiga sarjana iaitu Louay Safi, Ibrahim Ragab dan Muhammad Syukri Salleh turut mengiktiraf bahawa data primer adalah lebih utama daripada data sekunder dalam konteks penyelidikan Islam. Kesemuanya bersetuju bahawa tingkatan keutamaan sumber-sumber perlu dipatuhi dan dalil *naqli* hendaklah diutamakan berbanding dalil *'aqli*. Kaedah-kaedah pengumpulan data daripada kaedah pengumpulan hadith yang dicadangkan oleh Shahir Akram Hassan (2013) juga sangat sesuai diadaptasi dalam bidang penyelidikan Islam kontemporari. Elemen-elemen yang diketengahkan dapat meningkatkan lagi kesahan dan kebolehppercayaan data yang dikumpul untuk tujuan penyelidikan. Bagi prosedur pengumpulan data, meskipun pada hakikatnya tiada kod etika penyelidikan yang khusus yang diketengahkan oleh para sarjana Islam, namun penyelidik Islam hendaklah mematuhi aspek akhlak dan etika penyelidikan Islam dalam menjalankan penyelidikan Islam kontemporari. Pada masa yang sama juga, penyelidik Islam boleh mengamalkan kod etika penyelidikan sains sosial Barat yang standard selagi mana ia tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Meskipun demikian, usaha ke arah membangunkan kod etika penyelidikan yang standard khusus untuk penyelidikan Islam yang bersifat kontemporari perlulah diteruskan.

Pada kebiasaannya, proses menganalisis data penyelidikan Islam melibatkan tiga bentuk data iaitu analisis data pengkhususan *turath*, analisis data kuantitatif dan analisis data kualitatif. Analisis data pengkhususan *turath* melibatkan proses menganalisis pelbagai data dalam bidang pengajian

Islam yang bersifat pengkhususan. Ia bergantung kepada bidang masing-masing sama ada dalam bidang hadith, perundangan dan fiqh, akidah atau falsafah. Misalnya, dalam aspek penganalisan data yang melibatkan bidang fiqh dan perundangan, idea yang diketengahkan oleh Mohd Syahmi Mohd Miswan (2013) dan Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) adalah sangat relevan. Mohd Syahmi Mohd Miswan (2013) memfokuskan konsep *dilalat* melalui pengaplikasian *mafhum muafaqat* dan *mafhum mukhalafat*. Pemahaman yang tepat tentang pembuatan hukum sangat penting dalam menentukan hukum berkaitan permasalahan Islam dalam bidang kontemporari. Selain itu, penyelidikan Islam juga tidak lari daripada menerima data dalam bentuk kualitatif seperti rekod pemerhatian, temu bual atau dokumen. Data-data seperti ini perlu dianalisis secara naratif. Proses-proses penganalisan juga melibatkan proses menyusun, menyarrinf, memilih, mengelas dan mengekod tema-tema serta memilih kategori (Noor Hisham Md Nawi & Burhan Che Daud, 2018).

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) pula menekankan aspek-aspek penganalisan data menggunakan kaedah *istinbati*, *istiqr'a'i*, *istirdadi* dan *jadali*. Metode-metode ini pula ada yang menyerupai metode kualitatif yang diperkenalkan oleh sarjana penyelidikan bidang sains sosial. Sebagai contoh, metode deduktif dikenali sebagai *istinbati*, manakala metode induktif pula dikenali sebagai *istiqr'a'i*. Selain itu, para penyelidik juga boleh melakukan analisis kritis terhadap data-data *turath* seperti kaedah *tahqiq* kitab atau manuskrip lama. Menerusi analisis data kuantitatif, pelbagai kaedah analisis boleh digunakan yang melibatkan statistik. Statistik dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu statistik deskriptif seperti mod, median, min, sisihan piawai dan lain-lain dan statistik inferensi seperti ujian-t, ujian khi-kuasa dua, korelasi, regresi, ANOVA, MANOVA dan MANCOVA. Analisis statistik inferensi melibatkan penggunaan hipotesis. Dalam penyelidikan Islam pula, hipotesis dibina berdasarkan kerangka teoretikal atau konseptual baru yang berasaskan kepada pandangan alam Islam. Ia merupakan hasil dari sintesis antara tinjauan literatur Islam dan konvensional. Dalam konteks ini, pendekatan yang dibawa oleh Ibrahim Ragab (2006) dan Muhammad Syukri Salleh (2008). adalah sangat relevan untuk dipraktikkan oleh para penyelidik Islam. Ibrahim Ragab (2006) mencadangkan pengesahan dilakukan secara saintifik ke atas kerangka teori yang dibangunkan kerana petunjuk wahyu dan pengalaman manusia tidak terlepas daripada sebarang kesilapan dan ketidaktepatan. Manakala, Muhammad Syukri Salleh (2008) pula telah menggariskan keperluan pengujian terhadap kaedah yang dibangunkan oleh para penyelidik Islam khususnya yang melibatkan bidang sains sosial agar menepati konsep pandangan alam Islam.

Proses terakhir adalah menulis laporan penyelidikan, di mana hasil dapatan analisis perlu diteliti dan disaring sebelum dilaporkan dalam bentuk penulisan. Cadangan yang dikemukakan oleh Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) iaitu menilai sama ada dapatan yang diperolehi bertepatan dengan *maqasid al-Shariah* (objektif syarak), *'urf* (adat) dan *maslahah* (kepentingan) kepada masyarakat Islam adalah relevan untuk diaplikasikan dalam konteks penyelidikan Islam kontemporari. Ia tidak seharusnya terhad kepada *al-Ifta'* (penfatwaan) semata-mata. Cadangan ini

turut selari dengan pendirian Muhammad Syukri Salleh (2011) yang menyatakan bahawa kaedah penyelidikan sains sosial Barat adalah tidak sesuai digunakan untuk mengkaji perkara-perkara berkenaan agama dan orang Islam kerana beberapa kelemahan yang ketara. Justeru, laporan penyelidikan Islam kontemporari sewajarnya mendatangkan kemaslahatan dan kemanfaatan yang banyak kepada umat Islam secara menyeluruh.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, cabaran terbesar umat Islam pada masa kini adalah fahaman sekularisme dan dualisme yang telah meresap masuk dalam dunia pendidikan termasuklah dalam bidang penyelidikan. Implikasinya, masyarakat Islam berhadapan dengan generasi yang tidak seimbang dari segi personaliti, cara berfikir dan gaya kehidupan. Kesemua ini telah membawa kepada proses Islamisasi di dalam bidang penyelidikan. Para sarjana Islam berpegang pada metodologi penyelidikannya yang tersendiri dengan berpaksikan kepada Al-Qur'an dan Sunnah sebagai pedoman utama. Manakala, para sarjana dalam bidang disiplin ilmu yang lain pula menerapkan metodologi penyelidikan berbeza dan tersendiri yang berpaksikan kepada pendekatan saintifik. Bidang metodologi penyelidikan Islam kontemporari juga telah melalui pelbagai fasa perkembangan melalui proses Islamisasi dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, ia menerima pelbagai penambahbaikan seiring dengan zaman. Model yang diketengahkan oleh Louay Safi merupakan suatu usaha untuk menyepadukan penyelidikan Muslim klasik dengan metodologi penyelidikan Barat moden selaras dengan kehendak Islam. Model yang dibawa oleh Ibrahim Ragab pula dilihat lebih tertumpu kepada aspek Islamisasi melalui fasa-fasa tertentu. Sementara itu, model yang dibawa oleh Muhammad Syukri Salleh pula merupakan model penyelidikan Islam yang menjadi tunjang kepada penggabungan pelbagai disiplin ilmu dalam bidang pengajian Islam. Kesemua model ini mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri dan relevan untuk diaplikasikan dalam bidang penyelidikan Islam kontemporari. Penolakan secara total terhadap metodologi penyelidikan Barat yang berada dalam arus perdana akan menyebabkan metodologi penyelidikan Islam sukar untuk berkembang pada masa akan datang. Metodologi penyelidikan Barat yang digunakan dalam sains sosial dapat menyokong penyelidikan Islam kontemporari dalam usaha meningkatkan kualiti proses penyelidikan dan hasil dapatannya dan boleh dipraktikkan selagimana ia tidak bertentangan dengan Islam.

6.0 CADANGAN KAJIAN PADA MASA HADAPAN

1. Penyelidik mencadangkan agar kajian pada masa hadapan ditumpukan kepada data-data daripada sumber premier berbanding sekunder kerana ini dapat mempertingkatkan ketepatan dan kesahihan data-data berkaitan kajian Islamisasi dan metodologi penyelidikan Islam kontemporari.
2. Penyelidik mencadangkan agar kajian akan datang dikhususkan kepada pengaplikasian reka bentuk kajian kuantitatif kerana melalui kaedah ini penyelidik dapat menganalisis dapatan secara objektif iaitu yang membabitkan tahap keberkesanan, persepsi dan penerimaan terhadap metodologi penyelidikan Islam kontemporari.

3. Dicadangkan agar penyelidik akan datang memberi tumpuan kepada pemilihan model penyelidikan Islam kontemporari dalam bidang-bidang yang khusus berkaitan pengajian Islam seperti fiqh dan perundangan, tafsir, hadith, akidah dan falsafah.
4. Adalah dicadangkan bahawa penyelidik akan datang memberikan tumpuan kepada pemilihan model-model penyelidikan Islam kontemporari yang melibatkan para sarjana Islam yang lain daripada subjek kajian ini.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

- Adam Badhrulhisham & Mohamad Firdaus Mohd Isa. (2017). Islamisasi Negara Malaysia Dalam Konteks Gagasan Islamisasi Ilmu Syed Muhammad Naquib Al-'Attas: Satu Tinjauan. *Jurnal Ulwan*, Jil. 1 (2017): 189-203.
- Adi Setia. (2010). Kesalingkaitan antara Agama dan Sains: Ke Arah Meletakkan Semula Sains dan Teknologi di bawah Pengarahan Shariah Islamiah. Dlm. *Islam dan Sains dalam Pembangunan Tamadun*. Penyusun. Azizan Baharuddin & Samsuddin Moner. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Sunawari Long. (2006). Sejarah Falsafah. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Ahmad Sunawari Long. (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Babbie, E. (1998). *The Practical of Social Research*. Belmont: Wadsworth Publishing Company.
- Berelsen, B. (1952). *Content Analysis in Communication Research*. Glencoe, IL: Free Press.
- Best, J.W. (1991). *Research in Educational*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Biyanto. (2003). Penelitian Bidang Ilmu Agama Islam: Wilayah Studi dan Terapan Metodologi. *Jurnal Al-Afkar*, 7: 169-184.
- Borderns, K.S & Abbott, B.B. (2002). *Research Design and Methods: A Process Approach*. Boston: McGraw Hill.
- Creswell, J.W & Creswell, J.D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*. 5th Edition. United States of America: SAGE Publications Ltd.

- David, M. & Sutton, C.D. (2004). *Social Research: The Basics*. London: SAGE Publications Ltd.
- Denzin, N.K & Lincoln, Y.S. (2011). *The SAGE Handbook of Qualitative Research*. Thousand Oaks, California: SAGE Publication.
- Al-Faruqi, Islamil Raji. (1989). *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan*. International Institute of Islamic Thought, Herndon: USA.
- Fazlur Rahman Faridi. (1994). *Islamic Research Methodology; Some Reflection*. Dlm. Mohammad Muqim (ed.), *Research Methodology in Islamic Perspective*. New Delhi.: Institute of Objective Studies.
- Fazlur Rahman Malik. (1995). *Islam dan Modernitas: Tentang Transformasi Intelektual*. Bandung: Pustaka.
- H. Syahrin Harahap. (2000). *Metodologi Studi dan Penelitian Ilmu-Ilmu Usuluddin*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Hassan Langgulung. (2001). Islamisasi Pendidikan dari Perspektif Metodologi. *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil. 9, Bil. 3 Jun: 17-32.
- Ibrahim, A. Ragab. (1995). On The Nature and Scope of The Islamization Process; Towards Conceptual Clarification. *Intellectual Discourse*, 3(2): 113-112.
- Ibrahim, A. Ragab. (1998). *On the Methodology of Islamization of the Social Sciences*. Kertas kerja International Conference of Sociology and Anthropology: Implications for Social Development of Muslim Countries. International Islamic University of Malaysia, Gombak, 31 Oktober-2 November.
- Ibrahim, A. Ragab. (2006). The methodology of Islamizing human science. Dlm. Mohd Yusof (pnyt.) (2006). *Islamization of Human Sciences*. Kuala Lumpur: Research Centre IIUM.
- Imanuddin Khalil. (1991). The Quran and Modern Science: Observations on Methodology. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 8(1): 1-15.
- Kamus Dewan*. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kerlinger, F.N. (2000). *Foundation of Behavioural Research*. Ed ke-4. Australia: Wadsworth.
- Louay Safi. (1998). *The Foundation of Knowledge - A Comparative Study in Islamic and Methods of Inquiry*. Kuala Lumpur: International Islamic University of Malaysia Press.

- Mohammad Anwar. (1994). *Research Methodology in Islamic Perspective*. Dlm. Mohammad Muqim (ed.), *Research Methodology in Islamic Perspective*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Mohd Syahmi Mohd Miswan. (2013). *Aplikasi Dilalat dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Kertas kerja dalam International Islamic Development Management Conference (IDMAC), Universiti Sains Malaysia (USM): 9-10 Disember.
- Mohd Syahmir Alias. (2015). *Ibn al-Haytham: Pelopor Konsep Penyelidikan Sainifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mouly, G. J. (1963). *The Science of Educational Research*. New York: American Book Company.
- Muhammad ‘Abd al-‘Aziz Mahmud. (2009). *Usus al-Fatwa wa Marahiluha bi Mafhum ‘Asri*. Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad ibn ‘Abd al-Latif Mahmud al-Bana. (2010). *Taswir al-Nazilah Dirasah Fiqhiyyah Tatbiqiyyah*. Riyadh: Jamiah Muhammad ibn Saud al-Islami.
- Muhammad Syukri Salleh. (2008). Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam; Keperluan, Kedudukan dan Halatuju. Dlm. *Pemikir 54*, hlm. 133-164, Oktober-Disember 2008.
- Muhammad Syukri Salleh. (2011). *Ke Arah Pembinaan Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Dlm. Zakaria Bahari, Fadzila Azni Ahmad dan Rosele Shah Shahrudin (ed.) (2011). *Pengurusan ilmu, ekonomi dan pembangunan berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM).
- Neuman, W.L. (2015). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. 7th Edition. United States of America. Pearson Education Limited.
- Noor Hisham Md Nawi & Burhan Che Daud. (2018). *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam: Gagasan & Amalan*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Osman Bakar. (1991). *Tawhid And Science: Essays on History and Philosophy of Islamic Science*. Pulau Pinang: Secretariat for Islamic Philosophy and Science.
- Rosnani Hashim. (2005). Rethinking Islamic Education in Facing the Challenges of Twenty-First-Century. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 22(4): 129-147.
- Salafudin. (2013). Islamisasi Ilmu Pengetahuan. *Forum Tarbiyah*, Vol. 11, No. 2, Disember 2013: 194-216.

- Shahir Akram Hassan. (2013). *Penerapan Kaedah Pengumpulan Hadith dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Simpson, J. A., Weiner, E. S. C., & Oxford University Press. (1989). *The Oxford English Dictionary*. Oxford: Clarendon Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2018). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin. (2014). *Aplikasi Proses Penfatwaan dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia (USM).
- Wazzainab Ismail & Farah Nur Rashida Rosnan. (2015). *Islamisasi Ilmu: Konsep dan Pelaksanaannya dalam Pengajaran Bahasa Arab dan Usul Fekah*. Kertas kerja International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2015) Langkawi, 26 -27 Ogos: 1-15.